



SOALAN LAZIM MENGENAI PEMBAYARAN FASA KEDUA BANTUAN PRIHATIN NASIONAL (BPN)

1. Bilakah tarikh pembayaran fasa kedua Bantuan Prihatin Nasional (BPN) B40 & M40 akan dibuat?

Pembayaran fasa kedua secara pengkreditan terus ke akaun bank akan dibuat secara berperingkat seperti berikut:

| Kategori & Pendapatan Bulanan | B40 Isi Rumah RM4,000 ke bawah | B40 Bujang RM2,000 ke bawah | M40 Isi Rumah RM4,001 hingga RM8,000 | M40 Bujang RM2,001 hingga RM4,000 |
|---|--------------------------------|-----------------------------|--------------------------------------|-----------------------------------|
| Jumlah Bantuan BPN | RM1,600 | RM800 | RM1,000 | RM500 |
| Fasa Pembayaran | April: RM1,000 Mei: RM600 | April: RM500 Mei: RM300 | April: RM500 Mei: RM500 | April: RM250 Mei: RM250 |
| Tempoh Bayaran Fasa Kedua | 4 hingga 13 Mei 2020 | | 13 hingga 15 Mei 2020 | |
| Pembayaran Permohonan Baharu dan Rayuan BPN | 15 hingga 20 Mei 2020 | | | |

2. Berdasarkan semakan status BPN, saya berstatus lulus dan layak bayaran fasa pertama. Walau bagaimanapun, mengapakah semakan semula di Portal BPN mendapati status BPN saya telah bertukar kepada tidak layak?

Semakan semula status BPN telah bertukar kepada Tidak Layak disebabkan alasan berikut:

| Alasan Tidak Layak | Penerangan |
|---------------------------------------|---|
| Duplikasi permohonan | Permohonan suami dan isteri telah diluluskan secara berasingan. |
| Pemohon / pasangan mempunyai syarikat | Semakan mendapati pemohon / pasangan mempunyai syarikat berdasarkan data agensi (SSM). Walau bagaimanapun, pemohon boleh memohon Geran Khas Prihatin (GKP) melalui https://gkp.hasil.gov.my jika berkelayakan. |
| Pendapatan melebihi kelayakan | Semakan data agensi mendapati pendapatan Bujang / Isi Rumah melebihi kelayakan. |
| Menetap luar negara | Pemohon berada di luar negara. |

3. Sekiranya semakan semula permohonan BPN saya adalah Tidak Layak, bagaimanakah status pembayaran fasa pertama saya?

Anda hanya tidak layak untuk menerima pembayaran fasa kedua. Sekiranya pembayaran fasa pertama belum ditunaikan, penunaian boleh dilakukan di kaunter Bank Simpanan Nasional (BSN) selewat-lewatnya pada 31 Disember 2020.

4. Saya berstatus bujang tetapi mempunyai perniagaan pemilikan tunggal. Berapakah kelayakan BPN saya?

Jika anda bertatus bujang dan tiada sumber pendapatan penggajian tetapi mempunyai perniagaan pemilikan tunggal sahaja, kelayakan BPN anda adalah sebanyak RM500.

5. Saya merupakan penerima BPN M40 yang belum menerima bayaran dan ingin membuat kemaskini maklumat akaun bank di e-Kemaskini. Walau bagaimanapun, saya gagal untuk mendapatkan No Pin e-Filing. Bagaimanakah kaedah pembayaran BPN saya?

Bagi penerima BPN yang tidak mempunyai akaun bank atau gagal mengemaskini atau gagal kredit ke akaun yang didaftarkan, pembayaran akan dibuat secara penunaian di kaunter BSN mulai **15 Mei 2020** berdasarkan Nombor Siri yang dipaparkan di Portal BPN.

6. Bilakah pembayaran BPN bagi Permohonan Baharu dan Rayuan akan dilakukan?

Pembayaran BPN bagi Permohonan Baharu dan Rayuan akan dibayar sekaligus mulai 15 hingga 20 Mei 2020.

7. Saya adalah penerima BPN berdasarkan data percukaian yang akan menerima bantuan secara tunai, adakah wakil / waris boleh hadir bagi pihak untuk membuat penunaian?

Tidak boleh. Bagi penerima BPN berdasarkan data percukaian, hanya penerima sahaja dibenarkan membuat penunaian di BSN.

8. Saya telah bercerai dan semakan terkini status saya tidak layak duplikasi permohonan. Bolehkah saya membuat permohonan kemaskini kepada kategori bujang?

Permohonan kemaskini status perkahwinan adalah tidak dibenarkan. Kelulusan yang dipaparkan di Portal BPN adalah kekal kerana ia berdasarkan rekod terkini yang terdapat di pangkalan data BSH dan percukaian.

Dikemas kini pada **8 Mei 2020**.